



BERITA DYNAMIC

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Festival Layang-Layang Sedunia 2025

WARNAI LANGIT PASIR GUDANG



EDISI **01** JAN-MAC 2025

BERITA MENARIK DI DALAM

KARNIVAL MAHABBAH
@ RMA PASIR GUDANG
BERLANGSUNG MERIAH

SAMBUKAN TAHUN BARU
CINA PERINGKAT PASIR
GUDANG DISAMBUK MERIAH

RAMADAN CINTA UMMAH,
INDAHNYA RAMADAN DI
PASIR GUDANG



Sidang Redaksi

PENAUNG

Yang Berhormat

Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato'
Haji Shamsudin

Datuk Bandar Pasir Gudang

PENASIHAT

Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar
Setiausaha

EDITOR

Encik Mohd Syafiq Hanis bin Hamli
*Pengarah Jabatan Korporat dan
Perhubungan Awam*

PENGARANG

Encik Muhammad Fazreen bin
Muhammad Zin

PENERBIT

Jabatan Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin
Mohd Fazil

HAK CIPTA TERPELIHARA

*Sidang Redaksi Berita DYNAMIC PASIR GUDANG
mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum-
balas, sila kemukakan kepada*

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

*Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir
Gudang, Johor*

Isi Kandungan

- 03 | Festival Layang-Layang Sedunia 2025 Warnai Langit Pasir Gudang
- 04 |
 - Deruman Johor Bike Week 2025 Di Pasir Gudang
 - Walkabout Cukai Harta Bersama Datuk Bandar
- 05 | Karnival Mahabbah @ RMA Pasir Gudang Berlangsung Meriah
- 06 | Sentuhan Kasih MBPG, Meringankan Beban Mangsa Banjir
- 07 | Pasir Gudang Berselawat 2025: Satukan Ummah Dengan Cinta Kepada Allah dan Rasul
- 08 | Zon Mawar Perangi Denggi
- 09 | Stesen Kompos Dan Kitar Semula Di Pasar Awam Masai
- 10 | MBPG Lancar Sistem eCukai@MBPG Dan eStrata@MBPG
- 11 |
 - MBPG & SPRM Johor Jalin Kerjasama Perkukuh Integriti
 - Walkabout Ketua Polis Johor Di UTC Pasir Gudang
- 12 | Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Pasir Gudang Disambut Meriah
- 13 | MoU MBPG & Sekolah Seni Malaysia Johor Perkukuh Seni dan Budaya
- 14 |
 - Lawatan Mesra Datuk Bandar Ke Bazar Ramadan
 - Ramah Mesra Datuk Bandar Bersama Persatuan Penjaja Kawasan Pentadbiran MBPG
- 15 | Ramadan Cinta Ummah, Indahnya Ramadan Di Pasir Gudang
- 16 |
 - Anugerah Premis Makanan Bersih Dan Tandas B.M.W (Bersih.Menawan.Wangi) Tahun 2024 Peringkat Majlis Bandaraya Pasir Gudang
 - MBPG Terima Pengiktirafan Di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024
- 17 | Ops MBPG
- 18 | Sorotan Bengkel Dan Taklimat
- 19 | Sorotan Lawatan





FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA 2025 WARNAI LANGIT PASIR GUDANG

Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang 2025 kembali lagi dengan edisi ke-27 yang berlangsung penuh warna-warni dan kemeriahan. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan, termasuk program keagamaan, pertandingan seni, serta persembahan budaya yang memukau ribuan pengunjung dari dalam dan luar negara.

Selepas lima hari berlangsung, Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang 2025 telah berjaya menghimpunkan lebih 300 peserta dari dalam dan luar negara. Festival ini terus menjadi platform memartabatkan seni permainan tradisional di peringkat global.

Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang 2025 melabuhkan tirainya dalam satu majlis penutupan rasmi yang berlangsung di Grand Ballroom, Amansari Residence Resort.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan festival kali ini.



DERUMAN JOHOR BIKE WEEK 2025 DI PASIR GUDANG

Johor Bike Week 2025 kembali lagi, Acara tahunan yang menghimpunkan peminat motosikal dari seluruh negara ini berlangsung selama tiga hari di Pasir Gudang.

Program yang berlangsung dari 21 hingga 23 Februari 2025 ini bukan sahaja menjadi medan pertemuan komuniti permotoran, tetapi turut mempromosikan Pasir Gudang sebagai destinasi pilihan bagi aktiviti sukan bermotor.

Acara ini dianjurkan oleh Johor Bikers dengan kerjasama WBxAZ Event Management, dan telah menarik ribuan pengunjung sejak hari pertama. Tidak hanya motosikal berkuasa tinggi, Johor Bike Week 2025 turut menampilkan motosikal kapcai yang menjadi pilihan ramai penunggang harian.

Pengunjung dihiburkan dengan persembahan muzik sambil menikmati pameran motosikal dan pelbagai gerai aksesori permotoran.

Kemuncak acara adalah sesi cabutan bertuah, dimana hadiah utama sebuah Yamaha RXZ menjadi rebutan ramai. Hadiah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang.

'WALKABOUT' CUKAI HARTA BERSAMA DATUK

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah melaksanakan Program 'Walkabout' Cukai Harta Bersama Datuk Bandar pada 10 Mac 2025, bagi menyampaikan Anugerah Industri Cemerlang Cukai Harta 2024 kepada pegangan perindustrian yang menunjukkan komitmen tinggi dalam menjelaskan cukai harta. Antara penerima anugerah tersebut ialah Bahru Stainless Sdn. Bhd., Dialog Terminals Langsung (1) Sdn. Bhd., dan MSM Malaysia Holdings Berhad.

Selain itu, Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn. Bhd. turut menerima pengiktirafan khas "*Industrial Towards Johor Green Deal*" atas usaha dan inisiatif melestarikan alam sekitar dalam operasi harian mereka.

Penganugerahan ini merupakan penghargaan MBPG kepada pihak industri yang telah menunjukkan tahap kebertanggungjawaban tinggi dalam menjelaskan cukai harta, sekali gus menyumbang kepada pembangunan komuniti dan kesejahteraan warga Pasir Gudang.

Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Bandar MBPG, Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, diiringi oleh Ketua Whip MBPG, Dato' Haji Mohd Amin bin Ahmad, barisan Ahli Majlis, serta Ketua-ketua Jabatan MBPG.



KARNIVAL MAHABBAH @ RMA PASIR GUDANG BERLANGSUNG MERIAH



Sempena sambutan ulang tahun ke-25, Waqaf An Nur Corporation Berhad dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Rangkaian Masjid An Nur Pasir Gudang telah menganjurkan Karnival Mahabbah @RMA Pasir Gudang, bertempat di Masjid An Nur, Bandar Pasir Gudang.

Karnival bertemakan Islamik yang berlangsung selama 3 hari 3 malam, dari 24 hingga 26 Januari 2025, telah berjaya menarik hampir 10,000 pengunjung. Acara ini turut menerima sokongan dan tajaan daripada pelbagai syarikat korporat dan institusi pengajian tinggi, dengan Radio IKIM FM bertindak sebagai media rasmi.

Pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan untuk menghiburkan setiap pengunjung termasuk acara Fun Walk, Podcast Israk Mikraj, program Gerakan Subuh Seperti Jumaat, serta persembahan khas daripada artis jemputan seperti Mawi, Hafiz Hamidun, dan Kumpulan InTeam, serta yang lain-lain lagi. Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran Tuan Haji Abd Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha MBPG sebagai wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang.

Kemuncak karnival diserikan dengan cabutan bertuah pakej Umrah Premium bernilai RM10,990.00 tajaan KUJDT, yang dimenangi oleh adik Hannan Humairah binti Mohd Shahrul Nizam. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Bukhari bin Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif Waqaf An Nur Corporation Berhad.

Sebagai inisiatif kebajikan sempena cuti persekolahan, seramai 110 kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun daripada keluarga kurang berkemampuan telah menyertai Program Khatan Perdana anjuran bersama MBPG dan Waqaf An Nur Corporation, yang berlangsung di Klinik Waqaf An Nur, Pasir Gudang. Para peserta diraikan dengan perarakan khas dan mandian semburan air daripada kenderaan bomba Johor Port, yang turut serta dalam memberi khidmat kepada komuniti. Program ini memberi manfaat besar kepada keluarga peserta, dengan yuran penyertaan ditanggung sepenuhnya secara percuma.





SENTUHAN KASIH MBPG, MERINGANKAN BEBAN MANGSA BANJIR



Prihatin terhadap kebajikan mangsa banjir, Datuk Bandar Pasir Gudang, YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, telah mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan Nam Heng pada 11 Januari 2025 bagi menyampaikan bantuan makanan kepada penduduk yang terjejas. Inisiatif ini dilaksanakan melalui Yayasan Pasir Gudang sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam membantu komuniti yang terkesan akibat bencana alam.



PPS SK Nam Heng kini berfungsi sebagai pusat perlindungan sementara yang menempatkan mangsa banjir dari kawasan sekitar. Pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama agensi berkaitan terus memantau keadaan bagi memastikan kebajikan dan keselamatan penduduk yang terjejas terjaga sepanjang tempoh pemindahan.

PASIR GUDANG BERSELAWAT 2025: SATUKAN UMMAH DENGAN CINTA KEPADA ALLAH DAN RASUL

Bumi Pasir Gudang terus disemarakkan dengan cahaya selawat dalam Program Pasir Gudang Berselawat 2025 yang berlangsung di Masjid Al-Muttaqin, Kampung Sungai Tiram. Program yang berjaya menghimpunkan lebih 5,000 jemaah ini diadakan bagi memperkukuhkan jalinan ukhuwah sesama umat, memperteguh keimanan kepada Allah SWT, serta menyemai kasih dan penghormatan terhadap Nabi Muhammad SAW.

Program anjuran Jawatankuasa Penduduk Zon Sungai Tiram ini turut mendapat sokongan penuh daripada Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

Antara pengisian utama program ialah ceramah agama bertajuk "Keutamaan dan Amalan Bulan Syaaban" yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Dr. Mohd Azman bin Mohsen, Dekan Sekolah Dakwah, Kolej Universiti Islam Sultan Ibrahim Johor. Ceramah tersebut membuka ruang kefahaman kepada para hadirin tentang keberkatan dan keutamaan amalan dalam bulan Syaaban sebagai persiapan menyambut Ramadan.

Acara diteruskan dengan Majlis Semarak Selawat, yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Md Rofiki bin Dato' Haji A. Shamsudin, diserikan dengan bacaan Qasidah, Asma' ur-Rasul, Selawat Kamilah, tahlil ringkas serta tausiah khas oleh Ustaz Mohd Fauzi Bachok, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan JAINJ, yang menyentuh tentang keistimewaan Nabi Muhammad SAW.

Majlis turut dihadiri oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, sebagai tanda sokongan dan penghargaan kepada inisiatif yang memperkukuh perpaduan ummah melalui pendekatan rohani.



ZON MAWAR PERANGI DENGGI



Program Zon Mawar Bersih anjuran JKPZ Zon Mawar dan COMBI Mawar dengan kerjasama MBPG telah diadakan sebagai langkah proaktif membanteras pembiakan nyamuk Aedes serta mencegah penularan wabak denggi.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, bersama Ketua Whip Ahli Majlis MBPG merangkap Pengerusi JKPZ Zon Mawar, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Amin bin Ahmad.

Dalam program ini, Datuk Bandar turut mengadakan lawatan dan rondaan di sekitar Zon Mawar bagi meninjau keadaan persekitaran serta mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan tahap kebersihan dan mencegah penularan denggi.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program, termasuk gotong-royong pembersihan, pemeriksaan sarang nyamuk, serta sesi kesedaran bahaya denggi oleh COMBI Mawar. Usaha ini bertujuan memastikan kawasan Zon Mawar bebas daripada ancaman nyamuk Aedes sekali gus mengurangkan risiko jangkitan denggi.





STESEN KOMPOS DAN KITAR SEMULA DI PASAR AWAM MASAI

MBPG terus komited dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dengan melancarkan Program Pengkomposan Sisa dan Kitar Semula yang bertempat di Pasar Awam Masai pada 17 Januari 2025. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan sisa secara mampan serta menggalakkan amalan kitar semula sebagai sebahagian daripada gaya hidup harian.

Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang yang turut melaksanakan gimik perasmian sebagai simbol pembukaan rasmi Stesen Kompos dan Kitar Semula di lokasi berkenaan. Inisiatif ini diharapkan menjadi titik permulaan bagi memperkukuhkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan pengkomposan dan kitar semula dalam usaha mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan.

Langkah ini juga sejajar dengan sokongan terhadap Agenda Hijau Negara yang menekankan kelestarian alam sekitar sebagai keutamaan. Dengan adanya Stesen Kompos dan Kitar Semula ini, MBPG berharap lebih banyak pihak akan turut serta dalam inisiatif hijau yang mampu memberikan manfaat jangka panjang kepada komuniti setempat.





MBPG LANCAR SISTEM eCukai@MBPG DAN eSTRATA@MBPG

MBPG terus komited dalam memperkasakan perkhidmatan digital dengan melancarkan dua sistem baharu iaitu eCukai@MBPG dan eSTRATA@MBPG. Kedua-dua sistem ini bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan strata dan pembayaran cukai harta secara dalam talian.

Pelancaran sistem eCukai@MBPG telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal Bin Dato' Haji Shamsudin dalam satu majlis rasmi di Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah pada 4 Februari 2025.

Datuk Bandar Pasir Gudang dalam ucapannya menegaskan bahawa eCukai@MBPG merupakan satu langkah penting ke arah transformasi digital dalam pentadbiran cukai harta. Melalui sistem ini, pembayar cukai boleh mengakses maklumat mereka, mengemas kini data peribadi, serta membuat pembayaran secara dalam talian dengan lebih mudah dan pantas.

Sementara itu, eSTRATA@MBPG bakal dikuatkuasakan sepenuhnya pada Mac 2025. MBPG merupakan Pihak Berkuasa Tempatan Pertama di Johor yang mengintegrasikan Pesuruhjaya Bangunan (COB), pemaju, badan pengurusan bersama (JMB) serta perbadanan pengurusan (MC).

sistem eSTRATA@MBPG disempurnakan oleh Setiausaha MBPG, Puan Nurul Ashikin Binti Haji A. Jabar Selaku Wakil Rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang.

Dengan sistem ini, pemilik petak dan pengurusan bangunan dapat berinteraksi serta mengakses maklumat dengan lebih pantas dan telus, sekali gus meningkatkan kecekapan serta pematuhan kepada Akta Pengurusan Strata 2013



MBPG & SPRM JOHOR JALIN KERJASAMA PERKUKUH INTEGRITI

MBPG sentiasa beriltizam dalam usaha membanteras rasuah menerusi pelaksanaan Program Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Majlis yang diadakan di Dewan Muafakat Taman Mawar ini turut mendapat kerjasama daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor.

MBPG turut mengukuhkan budaya integriti dengan melantik 34 Agen Integriti di setiap jabatan, bahagian dan unit. Agen-agen ini berperanan memastikan pemahaman yang mendalam mengenai dasar-dasar berkaitan integriti serta menjadi sumber rujukan bagi warga kerja MBPG.

Sesi Lafaz Ikrar Bebas Rasuah kemudiannya diketuai oleh YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, sebelum disusuli dengan gimik perasmian iaitu sesi menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang disaksikan oleh YBhg. Dato' TPj. Hj Azmi bin Hj Alias, Pengarah SPRM Negeri Johor.



WALKABOUT KETUA POLIS JOHOR DI UTC PASIR GUDANG

Program Community Policing dan Walkabout di UTC Pasir Gudang telah berlangsung pada 7 Januari 2025 dengan penuh jayanya. YDH CP Datuk M. Kumar A/L S. Muthuvelu, Ketua Polis Johor, bersama Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, meluangkan masa beramah mesra dengan kakitangan serta masyarakat di UTC Pasir Gudang.

Program ini merupakan satu pendekatan proaktif dalam meningkatkan keselamatan komuniti serta memperkukuhkan hubungan antara pihak berkuasa, khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM), dengan masyarakat setempat. Melalui program sebegini, masyarakat berpeluang menyuarakan pandangan dan berkongsi maklumat berkaitan keselamatan, sekali gus memperkasakan peranan mereka dalam menjaga keharmonian kawasan setempat.





SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT PASIR GUDANG DISAMBUT MERIAH

Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Pasir Gudang 2025 berlangsung meriah dengan pelbagai acara kebudayaan dan simbolik. Majlis yang dianjurkan oleh MBPG ini telah diadakan di Eco Tropic Gallery, Kota Masai. Sambutan dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal Bin Haji Shamsudin.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan Tarian Naga dan Singa, serta tarian kebudayaan oleh pelajar SJKC Ladang Grisek yang memukau para hadirin.

Seterusnya, Kemuncak acara adalah sesi simbolik perasmian melalui jamuan 'yee sang' dan penulisan kaligrafi yang membawa maksud: 'Ular bertuah menyambut Tahun Baru Cina, Rakyat jelata menyambut keberkatan.

Majlis ini bukan sahaja mengeratkan hubungan masyarakat majmuk, malah mencerminkan semangat perpaduan di Pasir Gudang.



MoU MBPG & SEKOLAH SENI MALAYSIA JOHOR PERKUKUH SENI DAN BUDAYA

MBPG terus memperkukuhkan jaringan strategik dalam bidang seni dan budaya. Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai antara MBPG dan Sekolah Seni Malaysia Johor dalam satu majlis yang berlangsung di Menara Aqabah pada 21 Februari 2025.

Majlis menandatangani MoU ini menyaksikan Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, mewakili MBPG, sementara Sekolah Seni Malaysia Johor diwakili oleh Pengetuanya, Yang Berbahagia Encik Tee Tiam Chai. Majlis bersejarah ini turut disaksikan oleh Ketua Whip Ahli Majlis MBPG, Penolong Kanan Pentadbiran dan Akademik Sekolah Seni Malaysia Johor. Turut Hadir, Timbalan Setiausaha MBPG, serta barisan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MBPG

Kerjasama ini bertujuan memperkukuh hubungan dalam usaha membangunkan seni, budaya, dan kreativiti di Pasir Gudang. Dengan termeterainya MoU ini, Pasir Gudang bakal menyaksikan lebih banyak program seni dan budaya yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat.



LAWATAN MESRA DATUK BANDAR KE BAZAR RAMADAN

Suasana meriah di Bazar Ramadan sekitar Pasir Gudang bukan sahaja menjadi tumpuan orang ramai mencari juadah berbuka, tetapi turut mendapat perhatian Datuk Bandar yang turun padang bagi menyantuni peniaga dan pengunjung.

Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang, meluangkan masa mengunjungi Bazar Ramadan Jalan Bandar, Bazar Ramadan Taman Air Biru, dan Bazar Ramadan Jalan Sena dalam usaha mengeratkan hubungan dengan masyarakat setempat serta memberikan sokongan kepada peniaga kecil.

Dalam lawatan ini, beliau bukan sekadar membeli juadah sebagai tanda sokongan kepada peniaga tempatan, malah turut beramah mesra dengan pengunjung dan mendengar sendiri luahan serta harapan mereka.

Sebagai tanda kebersamaan di bulan Ramadan yang penuh keberkatan, beliau juga berbesar hati mengagihkan makanan kepada orang ramai yang hadir, mencerminkan semangat keprihatinan dan kasih sayang dalam komuniti.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) komited dalam mendorong semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat dan berharap inisiatif ini dapat memberi impak positif kepada ekonomi setempat.

RAMAH MESRA DATUK BANDAR BERSAMA PERSATUAN PENJAJA KAWASAN PENTADBIRAN MBPG

MBPG menegaskan komitmennya dalam menyokong sektor penjaja melalui pelbagai inisiatif dan usaha penambahbaikan. Dalam Program Ramah Mesra Datuk Bandar bersama Persatuan Penjaja yang berlangsung pada 6 Februari 2025, Datuk Bandar Pasir Gudang, Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin menzahirkan penghargaan kepada penjaja atas sumbangan mereka dalam merancakkan ekonomi tempatan.

Datuk Bandar Pasir Gudang turut menekankan kepentingan kebersihan dalam perniagaan penjaja, dengan menegaskan bahawa kebersihan bukan sahaja mencerminkan imej perniagaan, tetapi juga mampu menarik lebih ramai pelanggan.

Beliau menegaskan bahawa kejayaan usaha ini memerlukan kerjasama erat antara penjaja dan pihak berkuasa tempatan. MBPG sentiasa terbuka untuk menerima maklum balas serta cadangan dalam mencari penyelesaian terbaik demi kemajuan sektor penjaja di Pasir Gudang.



RAMADAN CINTA UMMAH, INDAHNYA RAMADAN DI PASIR GUDANG

Sempena kehadiran bulan penuh keberkatan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan pelbagai program bermakna pada 16 Mac 2025 yang menekankan nilai kebersamaan, semangat gotong-royong serta kebajikan masyarakat.

Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2025

Program tradisi Ramadan, Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang 2025, telah berlangsung meriah di Masjid At-Taqwa, Taman Kota Masai. Inisiatif ini menyaksikan penyertaan aktif daripada 24 Zon Ahli Majlis MBPG, Usahawan Rerort MBPG, Lotte Chemical Titan (M) Sdn. Bhd., Majlis Belia Negeri Johor, Balai Polis Pasir Gudang serta masjid dan komuniti setempat.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, Datuk Bandar Pasir Gudang bersama Yang Berbahagia Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar, Setiausaha MBPG, dan pemimpin-pemimpin tempatan.

Program ini bertujuan memperkukuhkan hubungan masyarakat sambil menghidupkan tradisi penyediaan bubur lambuk sebagai simbol perpaduan di bulan Ramadan. MBPG turut merakamkan penghargaan kepada para penaja, termasuk Masjid At-Taqwa, Lotte Chemical Titan (M) Sdn Bhd, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, Yayasan Pasir Gudang, Meridin East Sdn Bhd, dan banyak lagi syarikat korporat yang turut menyumbang kepada kejayaan program ini.



Datuk Bandar Pasir Gudang Santuni Asnaf

Dalam menyemarakkan nilai kebajikan Ramadan, Datuk Bandar Pasir Gudang bersama SWM Environment dan Puspanita MBPG turut menyantuni golongan asnaf di Taman Kota Masai. Sebanyak 50 kotak bantuan makanan telah disumbangkan kepada keluarga kurang berkemampuan di Jalan Pulasan dan Jalan Delima.

Inisiatif ini bertujuan meringankan beban golongan memerlukan serta menyemai rasa prihatin dan kebersamaan dalam komuniti sepanjang bulan mulia ini.

Ihya' Ramadan 1446H Pasir Gudang 2025

Bagi menghidupkan malam-malam Ramadan, program Ihya' Ramadan 1446H Pasir Gudang 2025 telah dianjurkan di Masjid At-Taqwa dengan kerjasama Ahli Majlis Kota Masai 3, JKPZ Kota Masai 3 dan Jawatankuasa Masjid At-Taqwa. Majlis dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Berhormat Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin, dan diisi dengan tazkirah oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Hafiza bin Mat Nor, disusuli majlis berbuka puasa, solat tarawih dan moreh bersama jemaah.

Program ini bukan sahaja menyemarakkan suasana ibadah, malah memperkukuhkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan penduduk setempat.



ANUGERAH PREMIS MAKANAN BERSIH DAN TANDAS B.M.W (BERSIH.MENAWAN.WANGI) TAHUN 2024 PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Senarai pemenang Anugerah Premis Makanan Bersih Dan Tandas B.M.W (BERSIH.MENAWAN.WANGI) Tahun 2024 peringkat Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan kebersihan dan keselamatan makanan di premis masing-masing serta kebersihan tandas bertaraf B.M.W.

Tahniah dan syabas kepada semua pemenang. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada semua pengusaha premis makanan dan pemilik tandas untuk terus mengutamakan kebersihan demi kesejahteraan masyarakat.

SENARAI PEMENANG
BAGI PREMIS MAKANAN BERSIH 2024
UNIT KAWALAN PREMIS MAKANAN

1

MAK KUTI ALAM SUPERIOR
SDN BHD

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

2

DEBARAH RESTAURANT
SDN BHD

LOT 11, BLOK E, JALAN PERSIARAN DAHLIA 2,
TAMAN BUKIT DAHLIA

3

PHO BUNYEN SDN BHD

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

SENARAI PEMENANG
BAGI TANDAS BERSIH 2024
UNIT KAWALAN PREMIS MAKANAN

1

ABEYKA ENTERPRISE

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

2

SILVER ARI LMS

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

3

PHO BUNYEN SDN BHD

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

SENARAI PEMENANG
BAGI PREMIS MAKANAN BERSIH 2024
UNIT KAWALAN PREMIS MAKANAN

1

DEBARAH RESTAURANT
SDN BHD

LOT 11, BLOK E, JALAN PERSIARAN DAHLIA 2,
TAMAN BUKIT DAHLIA

2

ABEYKA ENTERPRISE

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

3

PHO BUNYEN SDN BHD

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

SENARAI PEMENANG
BAGI TANDAS BERSIH 2024
UNIT KAWALAN PREMIS MAKANAN

1

DEBARAH RESTAURANT
SDN BHD

LOT 11, BLOK E, JALAN PERSIARAN DAHLIA 2,
TAMAN BUKIT DAHLIA

2

ABEYKA ENTERPRISE

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

3

PHO BUNYEN SDN BHD

NO 12, JALAN SUNGAI, BANDAR SERI ALAM

SENARAI PEMENANG
BAGI TANDAS BERSIH 2024
UNIT KAWALAN PREMIS MAKANAN

1

THE COFFEE BEAN & TEA
LEAF (M) SDN BHD

BLOCK A3G-01, GRAVITY GREEN,
BANDAR SERI ALAM

2

PIZZA HUT RESTAURANT
SDN BHD

LOT 11, BLOK E, JALAN PERSIARAN DAHLIA 2,
TAMAN BUKIT DAHLIA

3

WFPG RESOURCES
(WOODFIRE)

NO 14A, JALAN EKOPERNIGAN 10,
TAMAN KOTA MASAI

SENARAI PEMENANG
BAGI TANDAS BERSIH 2024
KATEGORI RESTORAN KELAS 1

1

THE COFFEE BEAN & TEA
LEAF (M) SDN BHD

BLOCK A3G-01, GRAVITY GREEN,
BANDAR SERI ALAM

2

PIZZA HUT RESTAURANT
SDN BHD

LOT 11, BLOK E, JALAN PERSIARAN DAHLIA 2,
TAMAN BUKIT DAHLIA

3

WFPG RESOURCES
(WOODFIRE)

NO 14A, JALAN EKOPERNIGAN 10,
TAMAN KOTA MASAI

SENARAI PEMENANG
BAGI TANDAS BERSIH 2024
KATEGORI RESTORAN KELAS 2

1

THE COFFEE BEAN & TEA
LEAF (M) SDN BHD

BLOCK A3G-01, GRAVITY GREEN,
BANDAR SERI ALAM

2

PIZZA HUT RESTAURANT
SDN BHD

LOT 11, BLOK E, JALAN PERSIARAN DAHLIA 2,
TAMAN BUKIT DAHLIA

3

WFPG RESOURCES
(WOODFIRE)

NO 14A, JALAN EKOPERNIGAN 10,
TAMAN KOTA MASAI

SENARAI PEMENANG
BAGI TANDAS BERSIH 2024
KATEGORI RESTORAN KELAS 3

1

THE COFFEE BEAN & TEA
LEAF (M) SDN BHD

BLOCK A3G-01, GRAVITY GREEN,
BANDAR SERI ALAM

2

PIZZA HUT RESTAURANT
SDN BHD

LOT 11, BLOK E, JALAN PERSIARAN DAHLIA 2,
TAMAN BUKIT DAHLIA

3

WFPG RESOURCES
(WOODFIRE)

NO 14A, JALAN EKOPERNIGAN 10,
TAMAN KOTA MASAI

MBPG TERIMA PENGIKTIRAFAN DI MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2024

MBPG terus komited dalam menjayakan agenda pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHC) melalui program Low Carbon Cities 2030 Challenge. Kejayaan ini dibuktikan apabila MBPG menerima dua anugerah berprestij di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024 yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Majlis penganugerahan yang berlangsung pada 26 Februari 2025 di Sofitel Kuala Lumpur Damansara telah disempurnakan oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. MBPG diwakili oleh Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar, Setiausaha MBPG yang hadir mewakili Datuk Bandar Pasir Gudang, diiringi oleh En Mohd Aeddy bin Sulaiman, Ketua Bahagian Alam Sekitar MBPG, serta Puan Siti Fatimah binti Abd Rahim.

- MBPG berjaya meraih dua anugerah berikut:
- Anugerah Pensijilan Provisional – LC Zone 2: Perindustrian Tanjung Langsat
 - Anugerah Diamond – LC Zone 1: Pasir Gudang

Pengiktirafan ini membuktikan bahawa MBPG sentiasa komited terhadap agenda kelestarian dan pembangunan mampan dalam kawasan pentadbirannya. Kejayaan ini juga menjadi pemangkin untuk memperkukuhkan lagi inisiatif hijau demi kesejahteraan komuniti serta kelestarian alam sekitar di Pasir Gudang pada masa hadapan.

LC Zone 1 Pasir Gudang
(Diamond)

TAHNIAH

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

ATAS PENGIKTIRAFAN
DIAMOND

SEMREKA
MAJLIS ANUGERAH
BANDAR RENDAH KARBON 2024

BAGI KATEGORI
LC ZON 1 (PASIR GUDANG)

PADA
26 FEBRUARI 2025

LC Zone 2 Perindustrian Tanjung Langsat
(Provisional)

TAHNIAH

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

ATAS PENGILAH
PROVISIONAL

SEMREKA
MAJLIS ANUGERAH
BANDAR RENDAH KARBON 2024

BAGI KATEGORI
LC ZON 2 (PERINDUSTRIAN TG. LANGSAT)

PADA
26 FEBRUARI 2025

OPS MBPG

DATUK BANDAR PASIR GUDANG MENINJAU KAWASAN PERKEDAIAN YANG DIJADIKAN ASRAMA PEKERJA ASING



OPERASI BERSEPADU BERSAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)



OPERASI PENGUATKUASAAN BANGUNAN DI JALAN GELAM 14, TAMAN RINTING




OPERASI BERSEPADU TUNGGAKAN CUKAI HARTA DI KAWASAN PERSEMPADANAN SEMULA MBPG-MBIP



OPERASI BERSEPADU BANTERAS PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI) BERSAMA JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI JOHOR DAN JABATAN TENAGA KERJA NEGERI JOHOR



OPERASI LUNAR BERSAMA BAHAGIAN PENGUATKUASAAN AGAMA PEJABAT KADI DAERAH JOHOR BAHRU



OPERASI TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERSEPADU ATAS TANAH RIZAB KERETA API



SOROTAN BENGKEL DAN TAKLIMAT



BENGKEL JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN MBPG BERSAMA MACA



SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) CADANGAN PENGAWALAN OPERASI PERNIAGAAN OLEH WARGA ASING



SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) CADANGAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN (TERHAD) BAGI KAWASAN TIDAK BERCUKAI



BENGKEL JURUAUDIT DALAMAN INTEGRATED MANAGEMENT SYSTEM (IMS) MBPG



TAKLIMAT PENGGUNAAN SISTEM ESTRATA@MBPG KEPADA PEMAJU, JMB & MC DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPG



CERAMAH 'KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN' BERSAMA ALLSKILLS CENTRE SDN. BHD.

SOROTAN LAWATAN

7 JANUARI 2025

LAWATAN PENANDAARASAN DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



8 JANUARI 2025

LAWATAN SAMBIL BELAJAR S.M.K TAMAN NUSA DAMAI KE SARANG BUAYA, PASIR GUDANG



8 JANUARI 2025

LAWATAN KERJA PEMBANGUNAN SERAMIK MBPG KE KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA (KKTm) MASJID TANAH, MELAKA



10 JANUARI 2025

LAWATAN DELEGASI PERBADANAN PUTRAJAYA KE MBPG



5 FEBRUARI 2025

LAWATAN JOHOR PORT BERHAD KE TAPAK SEMAIAN DAN PUSAT LESTARI MBPG: PEMBELAJARAN KURSUS PEMBUATAN BAJA KOMPOS LANDSKAP DAN SISA MAKANAN



18 FEBRUARI 2025

LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG) KE UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)



11 MAC 2025

KUNJUNGAN HORMAT MBPG KE PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)



15 JANUARI 2025

LAWATAN PENANDAARASAN MBPG KE TAPAK PELUPUSAN SAMPAH TELUK MENGKUDU, MANJUNG, PERAK



15 JANUARI 2025

LAWATAN PENANDAARASAN KE UNIT AUDIT DALAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



21 JANUARI 2025

LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI KE STOR BAHAN KIMIA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



22 JANUARI 2025

LAWATAN MEDIA MBPG DAN RADIO DYNAMIC PG KE RADIO ANNUR DAN BEST FM



19 FEBRUARI 2025

KUNJUNG HORMAT DAN LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG) KE MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN (MBKS)



27 FEBRUARI 2025

KUNJUNGAN HORMAT KONSULAT JENARAL SINGAPURA KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



11 MAC 2025

LAWATAN EXPLORASI ILMU MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Laman Info MBPG



Laman Web :
www.mbpbg.gov.my



Talian Am :
07-254 7777



Email :
mbpg@johor.gov.my



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

DIADAKAN SETIAP BULAN
KEPADA PENGENDALI MAKANAN
DI KAWASAN PASIR GUDANG



SECARA
ATAS TALIAN

WWW.FOSHCONSULTANCY.COM



SECARA
BERSEMUKA

29B, JLN BELATUK 4,
TAMAN SCIENTEX,
81700 PASIR GUDANG,
JOHOR DARUL TA'ZIM



DENGAN KERJASAMA



JOM SERTAI KAMI ! YURAN : RM 50.00/ SEORANG



UNTUK TEMPAHAN SLOT KURSUS
SILA HUBUNGI : 017-7558802 (ADMIN FOSH)

www.mbpbg.gov.my

mbpg@johor.gov.my

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

[majlisbandarayapg_official](https://www.instagram.com/majlisbandarayapg_official)



PELAKSANAAN TERIMAAN TANPA TUNAI DI MBPG
MULAI 1 JULAI 2025

MAJLIS BANDARAYA
PASIR GUDANG



HARI TANPA TUNAI
PADA SETIAP HARI JUMAAT

MULAI BULAN JANUARI HINGGA JUN 2025

PERKHIDMATAN
KAUNTER YANG
DISEDIAKAN

- 01 DI ARAS 1 PEJABAT MBPG
- 02 KAUNTER MUAFAKAT JOHOR
DI UTC PASIR GUDANG
- 03 KAUNTER BERGERAK DI SEKITAR
PENTADBIRAN PASIR GUDANG

5 KAEDAH YANG DISEDIAKAN

- CEK
- KAD KREDIT/ DEBIT
- KIRIMAN WANG
- WANG POS
- QR KOD DUITNOW



PASIR GUDANG BANDAR RAYA INDUSTRI DAN PELABUHAN

www.mbpbg.gov.my

www.mbpbg.gov.my

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

[majlisbandarayapg_official](https://www.instagram.com/majlisbandarayapg_official)



Majlis Bandaraya Pasir
Gudang



[majlisbandarayapg_official](https://www.instagram.com/majlisbandarayapg_official)



Saluran Aduan SISPA



www.mbpbg.gov.my



Saluran Aduan Integriti

DITERBITKAN OLEH :

Jabatan Korporat & Perhubungan Awam | Majlis Bandaraya Pasir Gudang
Menara Aqabah, Jalan Bandar, Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, 81700
Pasir Gudang, Johor Darul Ta'zim, Malaysia